

MAHATHIR - WAN NAJIB

1984

PETALINGJAYA, 25 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU SEMUA PARTI POLITIK BERHENTI MENGELUARKAN KENYATAAN-KENYATAAN KONTROVERSI DAN KATA-KATA YANG DIDAKWA MENGHASUT YANG DIUCAPKAN OLEH ANGGOTA PARLIMEN PASIR PUTIH, WAN NAJIB WAN MOHAMAD DI PARLIMEN PADA 24 JULAI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENGANGGAP PERKARA ITU SEBAGAI SELESAI DAN MENASIHATKAN SEMUA PIHAK BERBUAT DEMIKIAN.

KATANYA BELIAU TELAH BERCAKAP DENGAN WAN NAJIB TENTANG UCAPANNYA. ITU YANG DITAKRIFKAN SEBAGAI PENGHINAAN TERHADAP MASYARAKAT INDIA.

+ DIA (WAN NAJIB) KESAL KERANA ORANG RAMAI BERTINDAK BALAS SEDEMIKIAN TERHADAP APA YANG DIUCAPKANNYA DI PARLIMEN.

+ SEMASA PERBAHASAAN MEMUNCAK, KITA KELUARKAN BERMACAM-MACAM PERKATAAN. KITA TELAH MENERANGKAN PENDAPAT KITA, ORANG RAMAI TELAH MEMBUAT ULASAN, ITU SAHAJA. SEPATUTNYA ITU SUDAH CUKUP, + KATANYA SELEPAS MERASMIKAN KESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOOP BERSATU DI HOTEL SUBANG VIEW DI SINI. -- LAGI

MAHATHIR - WAN NAJIB 2 PETALING JAYA

SAMBIL MENYERU PIHAK AKHBAR SUPAYA JANGAN LAGI MEMBANGKITKAN ISU TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR SAMBIL BERSELOROH MEMBERITAHU PARA PEMBERITA: + ANDA WUJUD KERANA ADANYA KONTROVERSI. +

KONTROVERSI ITU TIMBUL APABILA WAN NAJIB MEMETIK PERIBAHASA MELAYU YANG DIDAKWA OLEH PARTI PEMBANGKANG SEBAGAI MENGHINA.

WAN NAJIB TETAP BERPENDAPAT IA SATU PERIBAHASA MELAYU DAN INI DISOKONG OLEH PEMANGKU SPEAKER, ENCIK SHAMSURI SALLEH YANG MEMBENARKAN PENGGUNAAN PERKATAAN ITU KERANA IA MERUPAKAN PERIBAHASA YANG DIGUNAKAN DALAM KESUSASTERAAN MELAYU. -- BERNAMA